



MAJLIS ISLAM SARAWAK
Aras 16 &17
Majma' Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah
Lorong P. Ramlee Off Jalan P. Ramlee
93400 Kuching Sarawak

Emel : mis50@sarawak.gov.my
Laman Web : www.mis.sarawak.gov.my

PEJABAT YANG DIPERTUA
TEL : 082507214 FAKS : 082507240

PEJABAT SETIAUSAHA
TEL : 082507215 FAKS : 082507241

TALIAN AM
TEL : 082507251/507250 FAKS : 082507254



MAJLIS ISLAM SARAWAK

Rujukan kami : JAIS/KIM/PMS/700-2/1/1 Jld.II (32)
Tarikh : 25 Ogos 2023

**SEMUA PENERUSI JAWATANKUASA PENGURUSAN (JKP) MASJID
DI BAWAH SKIM BARU PERKHIDMATAN PEGAWAI MASJID (SBPPM)
SELURUH NEGERI SARAWAK**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Yang Berbahagia Datuk/ Datu/ Dato/ Tuan/ Puan,

**MAKLUMAN PEMBEKUAN PELANTIKAN PEGAWAI MASJID BAGI TAHUN SEMASA
2023**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Hal Ehwal Masjid dan Surau-Majlis Islam Sarawak Kali Ke-72 Bil.6/2023 pada 22 Ogos 2023 telah membincangkan perkara berkenaan kuota Pegawai Masjid di bawah Skim Baru Perkhidmatan Pegawai Masjid (SBPPM) yang belum diisi dan mesyuarat bersetuju memutuskan perkara berikut:

- (a) Pelantikan Pegawai Masjid di bawah SBPPM adalah dibekukan bagi bulan November dan Disember 2023;
- (b) Tarikh mula pelantikan bagi mana-mana Permohonan Pelantikan Pegawai Masjid/ Pelantikan Semula Pegawai Masjid yang diterima pihak kami **selepas 18 Oktober 2023** hanya akan berkuatkuasa mulai **1 Januari 2024**.

3. Sehubungan itu, semua Jawatankuasa Pengurusan (JKP) Masjid di bawah SBPPM hendaklah mengemukakan Permohonan Pelantikan Pegawai Masjid/ Permohonan Pelantikan Semula Pegawai Masjid secara dalam talian melalui **kiswa.sarawak.gov.my** di bawah Modul Permohonan Pelantikan Pegawai Masjid **pada atau sebelum 18 Oktober 2023** bagi mematuhi arahan berkenaan.

4. Atas perhatian dan kerjasama pihak Yang Berbahagia Datuk/ Datu/ Dato/ Tuan/ Puan dalam hal ini, kami merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.

Sekian, *wassalam*.

"PEMACU KECERMELANGAN UMMAH"

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"

"AN HONOUR TO SERVE"

(USTAZ HAJI KHALIDI BIN HAJI IBRAHIM)

Setiausaha

Majlis Islam Sarawak

s.k: Semua Pegawai Agama Islam Bahagian – Mohon kerjasama pihak tuan untuk mengemukakan maklumat ini kepada semua Pengerusi JKP Masjid SBPPM di Bahagian masing-masing.